

07/07/1998

Merealisasikan reformasi pemimpin

Faizal Fadzil

TERIAKAN reformasi di negara ini menjadi semakin nyaring khususnya apabila tempas daripada kelantangan di Indonesia menyeberangi selat dan lautan yang memisahkan kedua-dua negara.

Kekuatan suara reformasi daripada golongan akar umbi negara yang sekian lama dianggap sebagai abang bagi Malaysia itu meruntuhkan kerajaan pimpinan Suharto.

Sememangnya, sejarah Indonesia membuktikan reformasi atau islah atau pembaharuan di negara itu sentiasa bermula dari peringkat akar umbi yang tidak puas hati dengan suasana politik, ekonomi dan sosial.

Reformasi yang dituntut itu membakar semangat golongan lain yang akhirnya mencetuskan revolusi secara keras sehingga memaksa organisasi berkuasa termasuk tentera dan pimpinan politik mendesak pimpinan nombor wahid menyerahkan takhta.

Reformasi yang diikuti revolusi di Indonesia sentiasa menuntut darah anak bangsa mereka ditumpahkan, baik pada zaman Belanda, Sukarno dan baru-baru ini, Suharto.

Malaysia lebih beruntung dalam soal ini. Perubahan yang dituntut tidak pernah mencetuskan revolusi.

Mungkin kerana di negara ini perjuangan revolusi berdarah tidak pernah tercatat sebagai satu mekanisme perjuangan anak bangsa kecuali ketika menentang penjajahan Jepun ataupun perjuangan berdarah secara berasingan di peringkat negeri dan daerah menentang Inggeris, Belanda dan Portugis.

Justeru, revolusi tidak pernah bermain di akal fikiran atau meniti di bibir mulut generasi muda masa kini.

Mungkin juga anak muda masa kini lebih menyedari bahawa sebarang percubaan untuk melaksanakan perubahan mendadak, pastinya menerima tentangan yang mungkin akan mencetuskan revolusi berdarah yang tidak sewajarnya berlaku.

Mungkin juga pemimpin negara ini sentiasa peka dengan kehendak akar umbi. Sebarang tuntutan perubahan yang dikehendaki akar umbi sentiasa berjaya meresap dalam aspirasi pucuk pimpinan menyebabkan mereka terlebih dulu memulakan gerakan reformasi yang dituntut.

Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga semakin kerap menyuntik semangat kepada rakyat untuk melaksanakan reformasi.

"Laksanakan reformasi budaya dan pemikiran," laung Dr Mahathir. Reformasi dalaman bagi mencari kelemahan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang lebih sempurna menjadi intipati seruan Anwar.

Malangnya, seruan reformasi itu hanya tersekat di peringkat atasan. Jarang kedengaran program reformasi diwar-warkan oleh pemimpin negara atau negeri lain secara besar-besaran.

Apakah mungkin reformasi itu dilaksanakan secara senyap-senyap tanpa pengetahuan rakyat atau media? Jika itu berlaku, mengapa dalam Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, masalah yang sama sejak bertahun lalu masih dibangkitkan oleh perwakilan yang berbahas?

Beberapa pemimpin mungkin tidak bersetuju dengan tanggapan negatif seumpama itu.

"Di Johor, sejak setahun lalu, kita sudah berusaha melaksanakan reformasi secara besar-besaran. Perdana Menteri menyebut mengenai reformasi pemikiran dan pendekatan atau mekanisme tetapi kita menterjemahkannya bukan setakat di peringkat pemikiran dan pendekatan atau

mekanisme, tetapi juga menjadikannya sebagai agenda kerja," kata Menteri Besarnya, Datuk Abdul Ghani Othman.

Dalam satu temubual baru-baru ini, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno itu menjelaskan, Umno Johor menjadikan reformasi sebagai satu agenda kerja bagi melaksanakan satu pembaharuan dalaman dalam usaha mewujudkan ahli Umno yang benar-benar menghayati falsafah reformasi dan sekali gus menjadikannya sebagai satu amalan berterusan, tidak hanya bermusim.

Sejak setahun lalu, pimpinan Johor menjalankan proses membudayakan al-Quran, bukan sekadar untuk membacanya tetapi cuba berusaha memahami makna dan menghayati suruhannya di pelbagai peringkat termasuk cawangan dan bahagian parti.

"Umno Johor buat reformasi dari segi pendekatan dengan menghayati al-Quran, membudayakannya dengan menterjemahkannya dalam bentuk amalan.

"Ia tidak sekadar diadakan dalam bulan puasa tetapi juga diteruskan pada bulan lain," tokok Abdul Ghani lagi.

Menyedari pendidikan menjadi satu asas reformasi pemikiran dan budaya, Umno Johor juga memastikan ia menjadi teras bukan saja di kalangan generasi muda dan anak-anak, malah turut menarik ibu bapa untuk menggerakkannya.

"Kami melaksanakan gerakan massa bagi membangkitkan fungsi ibu bapa dalam bidang pendidikan dan latihan iaitu dengan menyediakan modul untuk meningkatkan kemahiran dalam hal keibubapaan termasuk mereka yang sudah berusia 40-50 tahun.

"Menerusi modul itu, kita menekankan fungsi ibu bapa dalam membantu meningkatkan pendidikan anak-anak," kata Abdul Ghani yang kelihatannya begitu bersedia apabila persoalan reformasi dibangkitkan.

"Kami juga memperkenalkan tuisyen kampung bagi memastikan anak-anak di kampung mendapat pendidikan tambahan selain di sekolah. Sehingga kini, 30,000 pelajar mendapat manfaat hasil program berkenaan," katanya sambil menjelaskan Yayasan Pelajaran Johor menyediakan RM2 juta bagi menampung pembiayaan program itu.

Satu lagi pendekatan Umno Johor dalam usaha melaksanakan reformasi dalaman parti ialah memastikan idea ahli Umno tidak hanya dilahirkan di kedai kopi saja, tetapi dimanfaatkan di setiap bahagian Umno.

"Selama ini, ramai di kalangan ahli parti yang sentiasa berbincang mengenai soal politik dan negara di kedai kopi.

"Justeru, sejak tahun lalu, Umno Johor memperkenalkan debat di antara bahagian dalam usaha mengajak dan melatih ahli parti untuk berbicara, berfikir, berhujah dan mengeluarkan pendapat secara sistematik," kata Abdul Ghani lagi.

Menerusi program yang dikemukakan, Abdul Ghani melihat reformasi yang wajar diterapkan dalam Umno Johor ialah kembali semula untuk menghayati dan mengamalkan mukjizat al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad, mengukuhkan program pendidikan dan mengajak rakyat supaya memanfaatkan kekuatan minda masing-masing untuk menghasilkan idea yang mampu menjana pembinaan tamadun di negeri itu.

Hasrat Abdul Ghani: "Saya mahu memastikan Umno khususnya di Johor bukan saja memberi tumpuan kepada hal siasah atau politik atau dijadikan medan untuk merebut tempat dan jawatan saja". Itu adalah satu contoh pemimpin Umno menterjemahkan sasaran reformasi pemikiran dan budaya yang diungkapkan pimpinan negara.

Bagaimana dengan kaum lain di negara ini? Bagi kaum Cina khususnya MCA, pimpinan mereka kini mula melancarkan kempen reformasi pemikiran bagi memastikan belia di negara ini tetap berpegang teguh kepada nilai tradisi Cina yang murni dan bersifat universal.

Berlandaskan kata-kata pendita agung bangsa itu, Confucius, "jangan melakukan sesuatu yang anda tidak mahu orang lain lakukan terhadap anda",

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, melancarkan kempen reformasi pemikiran parti itu beberapa hari selepas tamat Perhimpunan Agung Umno, bulan lalu.

"Perubahan tetap akan berlaku. Tiada siapa yang mampu menolak perubahan.

"Justeru, tiada gunanya rakyat menjadikan perubahan sebagai musuh," katanya.

Bagaimanapun, Dr Ling berkata, kekuatan bangsa tidak akan lenyap jika generasi muda yang sedang menghadapi era permodenan sejagat tidak meninggalkan nilai tradisional murni yang menjadi teras kekuatan bangsa itu sendiri.

Pembaharuan yang ingin dilaksanakan oleh pemimpin berkenaan tidak lari jauh daripada reformasi pemikiran dan budaya yang dijelaskan pucuk pimpinan.

Bagaimanapun, sebarang pelaksanaan program dan sasaran yang dihasratkan masih perlu dibuktikan dengan hasil yang lebih meyakinkan.

Jika agenda kerja mengajak ahli supaya berfikir secara sistematik, kritis dan bebas, kejayaannya hanya dapat dibuktikan jika ahli parti menterjemahkan kualiti itu dalam pelbagai perhimpunan besar seperti Perhimpunan Agung Umno pada masa akan datang.

Jika kempen untuk mengembalikan semula tradisional murni ingin dilihat sebagai sesuatu yang berjaya, ia mesti kelihatan bersemarak dalam diri semua ahli parti termasuk pucuk pimpinannya.

Reformasi pemikiran, budaya dan tindakan kerja mesti merangkumi semua pihak - pemimpin, pentadbir kerajaan dan swasta, pembuat dan pelaksana dasar dan orang awam.

Tiada gunanya pelbagai program gerak kerja reformasi diatur sebegitu rupa tetapi corak pemikiran anggota parti dan rakyat amnya masih di takuk lama - sentiasa akur kepada pemikiran dominan meskipun agak menyangsi dan mengelirukan semata-mata kerana takut menyuarakan kebenaran yang mungkin menyebabkan kehilangan kesenangan.

(END)